

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI**  
**OMAR**  
**KAWASAN** : **POKOK SENNA**  
**TARIKH** : **28 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **NO. 244 (PR-1361-T02223)**

**SOALAN**

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a) berapakah jumlah pelaburan Negara China di Malaysia bagi tahun 2017 dan senaraikan pelaburan tersebut; dan
- b) berapakah jumlah syarikat Negara China yang terlibat di Malaysia dan senaraikan nama syarikat tersebut dan projek pelaburan yang dilabur.

**JAWAPAN**

160

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan Negara China di Malaysia dalam sektor perkilangan yang telah diluluskan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM3.85 bilion bagi 21 projek. Projek-projek ini bakal menjana sebanyak 4,790 peluang pekerjaan di Malaysia dalam sektor-sektor seperti produk mineral bukan logam, kelengkapan pengangkutan serta elektronik dan produk elektrik.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan dari Negara China yang telah direalisasikan sehingga 31 Disember 2017 di Malaysia adalah sebanyak 227 projek yang berjumlah RM13.2 bilion dan telah mewujudkan sebanyak 32,527 peluang pekerjaan baharu, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan iaitu dalam industri-industri seperti produk logam asas, elektronik dan produk elektrik, produk mineral bukan logam, produk tekstil dan produk fabrikasi logam.

Antara pelaburan berskala besar dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia yang melibatkan pelabur daripada syarikat dari Negara China setakat ini adalah:

- (11)
- (i) Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. (logam asas);
  - (ii) Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn. Bhd (logam asas);
  - (iii) Longi Solar (Kch) Sdn. Bhd. (industri solar);
  - (iv) Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. (industri solar);
  - (v) Ji Kang Dimensi (M) Sdn. Bhd. (logam asas);
  - (vi) Xinyi Solar (M) Sdn. Bhd. (industri solar);
  - (vii) Xiamen University (perkhidmatan pendidikan); dan
  - (viii) Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam usaha untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam Negara yang antara lain dapat memberi impak positif kepada negara, terutamanya dari segi menawarkan peluang perniagaan dan sekaligus memberi peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan. Pelaburan sedemikian daripada syarikat-syarikat dari Negara China umpamanya telah banyak membantu merangsang pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN : 245**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
(POKOK SENA)**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10735**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah bilangan pekerja  
mahir dan buruh kasar dari Negara China yang masuk bekerja di  
Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017.**

**JAWAPAN:**

Yang Di Pertua,

**Jumlah pekerja mahir dan pekerja asing aktif dari negara China yang masuk bekerja di Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti berikut:**

| <b>BIL.</b> | <b>TAHUN</b> | <b>PEKERJA MAHIR<br/>(ORANG)</b> | <b>PEKERJA ASING<br/>(ORANG)</b> |
|-------------|--------------|----------------------------------|----------------------------------|
| 1.          | 2015         | 14,343                           | 13,174                           |
| 2.          | 2016         | 11,550                           | 13,441                           |
| 3.          | 2017         | 14,721                           | 20,442                           |

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia  
Tarikh Kemas Kini: 9 Mac 2018*